

BELIAU MENJADI TUNGGAK
KEPADA KEKUATAN KOMPONEN BN

Kebolehannya atasi kerumitan, suatu keistimewaan

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

MENCARI pemimpin yang boleh memimpin para pemimpin bukan mudah yang diangka. Apa lagi kumpulan pemimpin yang cuba diterangkan itu adalah mereka yang tiba dari beberapa kumpulan yang setiap satunya punya matlamat dan aspirasi mereka sendiri.

Andainya pemimpin-pemimpin yang mewakili beberapa kumpulan seperti ini dapat disatukan ke arah satu pemikiran yang umum, maka pemimpin yang dapat menyatukan itulah yang patutnya diberi deretan tahnilah. Tetapi jumlah pemimpin yang dapat memimpin pemimpin ini tidak ramal yang ditemui.

Begitulah jika kita terangkan betapa keadaannya kepimpinan dalam Barisan Nasional. Partiparti komponen yang menyertainya masing-masing punya matlamat dan dasar-dasar perjuangan yang tersendiri. Dalam pada itu, pergeseran antara satu parti dengan satu parti yang lainnya amat sukar sekali untuk dielak.

Dalam barisan aneka ragam pemimpin di Barisan Nasional inilah, Tun Hussein Onn membuktikan kewibawaan pimpinannya untuk mengembeleng tokoh-tokoh dari berbilang parti itu ke arah satu perjuangan bersama. Dan, kebolehan penyatuan inilah yang menjadikan tunggak kepada kekuatan komponen Barisan Nasional.

Dari masa ke semasa krisis demi krisis muncul dalam rumahtangga sebesar ini. Dan berertiilah itu ujian demi ujian menjengah Tun Hussein sebagai pemegang teraju barisan tersebut. Selesai atau tidaknya masalah yang mendatangi itu adalah cermin kepimpinan yang akan berbalik juga kepada Tun Hussein sendiri ketika itu.

Tetapi, tanpa payah kita menghuraikan satu persatu, ternyata dari apa yang berlaku, kebolehan mengatasi kerumitan adalah sesuatu yang menjadi keistimewaan Tun Hussein Onn semasa era kepimpinannya. Dan, atas dasar-dasar inilah di detik-detik persaraannya, para pemimpin dalam

komponen Barisan Nasional tanpa selindung memperkatakan dengan jelas siapa Tun Hussein itu pada pandangan mereka.

Presiden MCA, Datuk Lee San Choon, dalam ulasannya memperkatakan sikap Tun Hussein yang sebelum membuat sesuatu keputusan terhadap sesuatu dasar itu akan terlebih dahulu memberikan peluang orang lain untuk mengemukakan hujah dan pendapat. Selepas mendengar dan meneliti pandangan-pandangan inilah baru keputusan diambil.

Datuk Lee begitu menekankan soal ini bila memperkatakan tentang Tun Hussein Onn, kerana atas dasar toleransi seperti itulah yang menjadikan Tun Hussein seorang pemimpin yang berbilang disiplin. Kalau berbilang ia seramai kalau memutuskan secara kolektif. Tidak dapat tidak, inilah yang juga menjadi inti dasar kepada keukuhan dalam barisan.

Keikhlasan dan kejujuran Tun Hussein seperti



■ Foto ini diambil tahun 1977. Tun Hussein sedang ditandu oleh pandu-pandu puteri dari Sekolah Sultan Idris setibanya untuk merasmikan Jambori.



yang disebutkan oleh orang lain juga diakui oleh Datuk Lee. Di samping itu Tun Hussein pada kacamatanya adalah pemimpin yang adil. Barisan dikripi seperti inilah yang jika boleh dijadikan prototip, ia akan membentuk wajah Tun Hussein Onn.

Datuk Paul Leong pula sebagai Timbalan Presiden Gerakan, menyingskap kembali atas kemenangan besar BN dalam pilihanraya 1981.

Menurutnya kejayaan segemilang itu adalah kerana kewibawaan dan keikhlasan Tun Hussein dalam memperjuangkan keharmonian, kesatuan dan keadilan dalam masyarakat.

Presiden MIC, Datuk S. Samy Vellu, juga mengukuhkan akan kejayaan negara dalam tempoh Tun Hussein menjadi Perdana Menteri Malaysia. Bererti kemajuan pesat negara tidak terbelak begitu sahaja dalam tempoh pertukaran satu Perdana Menteri dengan satu yang lain.